

16/01/2000

Abang Abu Bakar sedia bawa Umno ke Sarawak

KUCHING: Bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, mengumumkan kesediaannya membawa Umno ke Sarawak, jika itu menjadi permintaan rakyat Bumi Kenyalang.

Beliau berkata, beberapa pihak ada berjumpa beliau membincangkan perkara itu.

Ditanya butir terperinci mengenai perjumpaan itu, beliau berkata: "Tunggu saja episod seterusnya".

Beliau memberitahu pemberita demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (Perkis) di sini, petang semalam.

Abang Abu Bakar yang juga Presiden Perkis berkata, beliau tidak fikir khidmatnya masih diperlukan di dalam Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Bekas Timbalan Presiden PBB itu tewas dalam pertandingan tiga penjurur dalam Perhimpunan Agung PBB pada Ogos 1998. Abang Abu Bakar yang menyanggah jawatan Timbalan Presiden PBB hanya mendapat 27 undi.

Datuk Abang Johari Tun Openg yang memenangi jawatan itu mendapat 373 undi dan seorang lagi pencabar beliau, Datuk Adenan Satem, mendapat 268 undi.

Ketika merasmikan perhimpunan agung parti PBB pada 28 Ogos 1998 juga, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno memang berminat mengembangkan sayap ke Sarawak tetapi keputusan mengenainya terletak di tangan rakyat negeri itu.

Menurut Perdana Menteri, Umno juga akan memastikan kedatangannya ke Sarawak tidak memecahbelahkan perpaduan Bumiputera dan komponen BN di negeri itu.

"Umno mahu bekerjasama dengan semua parti, termasuk parti Bumiputera yang ada di negeri ini supaya dengan kerjasama itu, tidak akan berlaku sebarang perpecahan, manakala kuasa politik Bumiputera di Sarawak juga tidak terjejas.

"Itulah pendekatan yang diambil Umno. Segala keputusan terpulang kepada rakyat Sarawak, bukan terpulang kepada Umno di Semenanjung.

"Rakyat Sarawak yang akan menentukan cara mana Umno boleh datang ke Sarawak tanpa memecahbelahkan Bumiputera di negeri ini," kata Perdana Menteri sewaktu merasmikan perhimpunan itu.

Sementara itu, ditanya sama ada beliau akan terus bersama Barisan Nasional (BN), Abang Abu Bakar berkata beliau tetap akan terus bersama BN.

Kepada satu lagi soalan, beliau berkata beliau tidak pernah mengumumkan akan bersara daripada arena politik.

"Saya tidak pernah mengumumkan saya akan berhenti (bersara daripada politik)," katanya.

Ini adalah kenyataan pertama Abang Abu Bakar selepas tidak dicalon semula dalam pilihan raya Parlimen lalu, sekali gus menyebabkan beliau digugurkan daripada Kabinet.

(END)